



## EXCO KESIHATAN AWAM & ALAM SEKITAR

**#KitaSelangor**

**10 JULAI 2024**

### **KENYATAAN MEDIA**

#### **KARNIVAL ALAM SEKITAR PERINGKAT NEGERI SELANGOR 2024**

Kerajaan Negeri Selangor melalui Jawatankuasa Tetap Alam Sekitar, Perubahan Iklim dan Teknologi Hijau dengan sukacitanya mengumumkan penganjuran Karnival Alam Sekitar yang akan diadakan pada 20 dan 21 Julai di *1 Utama Shopping Centre*. Karnival Alam Sekitar ini akan dilaksanakan dengan kerjasama TUNAS dan Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

Bertemakan “Kempen Bebas Plastik”, penganjuran ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran dalam kalangan orang ramai dalam usaha untuk mengurangkan penggunaan plastik dan penghasilan sisa plastik dalam kehidupan seharian, selain daripada meningkatkan kesedaran dalam kalangan orang ramai untuk mengamalkan budaya hidup lestari. Penganjuran Karnival Alam Sekitar ini juga selari dengan Rancangan Selangor Pertama (RS-1) (2021-2025), di bawah tema strategik pemacuan kelestarian.

Sempena penganjuran Karnival Alam Sekitar ini, sebanyak 29 reruai yang terdiri daripada agensi kerajaan, pertubuhan bukan kerajaan, peniaga kecil dan pihak swasta yang menawarkan pelbagai pameran dan bengkel-bengkel interaktif berkaitan kesedaran alam sekitar serta pasar eko dengan fokus diberikan kepada:

1. **Kedai Sifar Sisa** - alternatif guna semula dan biodegradasi untuk barangan harian
2. **Fesyen Mesra Alam** - pakaian dan aksesori yang diperbuat daripada bahan terpakai dan mesra alam.
3. **Makanan Organik** - pilihan makanan yang sihat dan organik yang mempromosikan kelestarian dan keterjaminan sumber makanan.
4. **Produk Mesra Alam** - produk yang diperbuat daripada bahan terpakai dan mesra alam.

Selain daripada itu, terdapat pelbagai aktiviti yang menarik melalui bengkel-bengkel interaktif dan informatif turut disediakan. Antara bengkel-bengkel yang disediakan adalah:

---

**PEJABAT EXCO KESIHATAN AWAM & ALAM SEKITAR NEGERI SELANGOR**

Tingkat 2, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah  
40503 Shah Alam, Selangor, Malaysia

Tel: 03 5544 7623 Emel: jamaliah.selangor@gmail.com



## EXCO KESIHATAN AWAM & ALAM SEKITAR

1. **Bengkel oleh Kawan Guni** - untuk mengenal pasti kategori kitar semula dan meningkatkan kesedaran serta pemahaman tentang amalan kitar semula yang betul.
2. **Ekspedisi Rakan Bumi** - pendidikan terhadap penyelesaian kitar semula dan sisa makanan yang inovatif melalui lawatan *1 Recycling Centre atau W.I.S.E.*
3. **Bengkel oleh Persatuan Benih Hijau** - kenali tapir melalui penceritaan, pameran dan aktiviti seni menggunakan tanah liat.

Melalui penganjuran Karnival Alam Sekitar ini, adalah diharapkan ianya dapat menyediakan platform kepada warga Selangor untuk meningkatkan pengetahuan dan kesedaran berkenaan pendidikan terhadap alam sekitar, melalui aktiviti-aktiviti interaktif, selain daripada pendedahan kepada orang ramai dengan memupuk budaya 5R iaitu mengurangkan sisa (*reduce*), mengitar semula (*recycle*), mengguna semula (*reuse*), fikir semula (*rethink*) dan menolak (*refuse*) sebagai amalan gaya hidup lestari.

Kerajaan Negeri Selangor juga ingin mengambil peluang ini untuk merakamkan penghargaan terima kasih kepada semua pihak yang bertungkus-lumus dalam penganjuran Karnival Alam Sekitar ini. Sebagai usaha berterusan, Karnival Alam Sekitar ini akan disusuli dengan program-program dan kempen-kempen kesedaran yang lain yang akan diadakan di lokasi-lokasi yang berbeza di sekitar Negeri Selangor sebagai usaha untuk memastikan kempen kesedaran ini dapat dilaksanakan dengan secara meluas.

Kerajaan Negeri Selangor sentiasa terbuka dan amat menggalakkan penglibatan dan kerjasama daripada pelbagai pihak, termasuklah agensi kerajaan, pertubuhan bukan kerajaan, pihak swasta dan masyarakat komuniti secara umum dalam menyokong usaha-usaha Kerajaan Negeri ke arah negeri pintar, berdaya huni dan makmur, selari dengan aspirasi Rancangan Selangor Pertama (RS-1) (2021-2025) di bawah tema strategik pemacuan kelestarian dapat direalisasikan dan seterusnya menyediakan persekitaran yang lebih sejahtera dan lestari buat warga Selangor.

**Y.B. PUAN JAMALIAH BINTI JAMALUDDIN**

**EXCO Kesihatan Awam dan Alam Sekitar**



## EXCO KESIHATAN AWAM & ALAM SEKITAR

### Senarai Reruai

| No. (Based on Layout) | Booth Name                                   |
|-----------------------|----------------------------------------------|
| 1                     | Jabatan Alam Sekitar                         |
| 2                     | Lembaga Urus Air Selangor                    |
| 3                     | Jabatan Perhutanan Negeri Selangor           |
| 4                     | Jabatan Perhilitan Negeri Selangor           |
| 5                     | Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam |
| 6                     | Selangor Youth Community (SAY)               |
| 7                     | Ayayu                                        |
| 8                     | De Lettuce Bear                              |
| 9                     | TUNAS                                        |
| 10                    | Zero Waste Earth Store                       |
| 11                    | Ikat Together                                |
| 12                    | Eves Artisan                                 |
| 13                    | sareeUP                                      |
| 14                    | Buttercup                                    |
| 15                    | Maribumi                                     |
| 16                    | Tam Maba                                     |
| 17                    | Majlis Bandaraya Petaling Jaya               |
| 18                    | Haramakers                                   |
| 19                    | Yuri Tan                                     |
| 20                    | ERTH (Electronic Recycling Through Heroes)   |
| 21                    | Earth Warriors                               |
| 22                    | Persatuan Benih Hijau (Workshop)             |
| 23                    | Zero Waste Malaysia (Workshop)               |
| 24                    | Ayayu Malaysia Batik (Workshop)              |
| 25                    | W.I.S.E. Food                                |
| 26                    | 1Recycling Centre                            |
| 27                    | Tetrapak                                     |
| 28                    | Kawan Guni (Pameran)                         |